

Filipina tidak minta tahan sembilan warga Malaysia

BH 15 SEP 2007

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kerajaan Filipina tidak meminta pihak berkuasa di sini supaya menahan sembilan lelaki rakyat Malaysia yang dihalang daripada memasuki negara itu selepas disyaki pernah menjalani latihan militan di Pakistan.

Sembilan lelaki berbangsa Melayu dan India Muslim itu yang cuba memasuki Filipina menggunakan pasport Malaysia, dihantar pulang ke sini selepas dihalang memasuki Filipina oleh pegawai kastam di Lapangan Terbang Antarabangsa Cebu.

Ketua Biro Imigresen di lapangan terbang itu, Casimiro Madarang memberitahu AP, semua sembilan lelaki yang berjambang itu dihantar pulang selepas siasatan mendapati mereka pernah berada di Pakistan kira-kira lima bulan.

Beliau percaya masa lima bulan adalah satu tempoh yang cukup untuk menjalani latihan militan bersama penganas di negara itu. "Justeru, mereka dihalang daripada memasuki negara ini," katanya.

Seorang pegawai kastam Malaysia yang enggan namanya disiarkan, berkata sembilan lelaki itu tidak ditahan ketika tiba di sini kerana kerajaan Filipina tidak meminta Malaysia mengambil tindakan sede-

mikian.

Mengikuti prosedur Malaysia, pegawai itu berkata, sekiranya Filipina meminta Malaysia untuk menahan individu tertentu, pegawai imigresen Malaysia dan syarikat penerbangan akan menguruskan penerbangan pulang.

Sementara itu, seorang jurucakap Penerbangan Malaysia (MAS), berkata pesawat penumpang dalam keadaan biasa akan menghantar penumpang yang tidak dibenarkan masuk ke negara tertentu pulang ke negara asalnya, asalkan dokumen perjalanannya teratur.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah mengarahkan kawalan keselamatan ditingkatkan di beberapa lokasi strategik di negara ini termasuk lapangan terbang, berikutan serangan penganas di Amerika Syarikat, Selasa lalu.

Bahagian selatan Filipina pula sejak sedekad lalu dikuasai puak pemisah Islam yang menuntut kemerdekaan daripada Filipina.

Malaysia baru-baru ini menjadi orang tengah antara kerajaan Filipina dan kumpulan pemisah Islam terbesar di selatan negara itu, MILF, untuk merundingkan satu perjanjian damai dengan kerajaan Filipina. — AP